



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



PEMBENTUKAN NILAI MURNI SEBAGAI SARANA MESEJ BERDASARKAN KARAKTER NAMA DALAM KATA PANGGILAN ADAT MASYARAKAT KELABIT

*THE FORMATION OF MORAL VALUES AS BEING A MESSAGE BASED ON A
CHARACTER NAME IN THE KELABIT COMMUNITY CUSTOM TERMS OF
ADDRESS*

Mohammad Syawal Narawi^{1*}, Nor Hasimah Ismail², Nuraini Yusoff³, Lee Jun Choi⁴

¹ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia
Email: syawal@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia
Email: nhsimah@uum.edu.my

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Email: nuraini@uum.edu.my

⁴ Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak
Email: cljun@unimas.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.06.2019

Revised date: 04.08.2019

Accepted date: 15.02.2022

Published date: 07.03.2022

To cite this document:

Narawi, M. S., Ismail, N. H., Yusoff, N., & Choi, L. J. (2022). Pembentukan Nilai Murni Sebagai Sarana Mesej Berdasarkan Karakter Nama Dalam Kata Panggilan Adat Masyarakat Kelabit. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 01-12.

DOI: 10.35631/IJHPL.517001.

Abstrak:

Kajian ini membincangkan tentang pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej berdasarkan karakter nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Kajian ini dijalankan di Bintulu, Sarawak. Tujuh etnik Kelabit yang berasal dari Tanah Tinggi Bario dan berumur antara 50 dan 70 tahun dijadikan sebagai informan. Sumber data utama diperoleh melalui temu bual, pemerhatian, fotografi dan analisis dokumen. Arus perubahan globalisasi yang bergerak pantas antara penyebab generasi baharu masyarakat kelabit kurang memberi perhatian terhadap khazanah nenek moyang mereka khususnya berkaitan karakter nama dan seterusnya dijadikan sebagai mesej dalam kehidupan sehari-hari mereka. Disebabkan senario semasa dan permasalahan ini, maka kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej berdasarkan karakter nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Karakter nama yang dirujuk dalam kajian ini khusus kepada pemilihan kombinasi kosa kata nama **Aran Raja**, **Paran Raja**, **Aran Pelaba** dan **Maran Bala** dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Kombinasi kosa kata nama berkenaan merupakan kombinasi daripada kosa kata nama dalam kategori Unsur Nama Kelas Pertama dalam upacara penukaran nama atau *Irau Mekaa' Ngadan*. Kajian karakter nama kosa kata ini

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



bertunjangkan teori yang dikemukakan oleh Lickona (1992) manakala huraihan berkaitan pembentukan nilai murni berteraskan Prinsip Nilai-Nilai Murni seperti yang digariskan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013). Kajian ini mendapati bahawa setiap individu yang dikurniakan gelaran kombinasi berkenaan mampu membentuk karakter keperibadian yang mulia dan menjadi lambang karakter identiti masyarakat etnik Kelabit. Selain itu, gelaran berkenaan juga dapat membentuk identiti individu dalam mengerjakan nilai-nilai kebajikan untuk dirinya dan untuk masyarakat etnik Kelabit. Pembentukan nilai murni berdasarkan karakter nama berkenaan adalah seperti berikut iaitu, menonjolkan karakter bertanggungjawab, menunjukkan karakter yang dihormati, mempamerkan ketulusan hati / kejujuran (*honesty*) dan melambangkan keadilan dan kepemimpinan.

Kata Kunci:

Pembentukan Nilai Murni, Kata Panggilan Adat, Karakter, *Irau Mekaa' Ngadan*, Etnik Kelabit

Abstract:

This study discusses the formation of moral values as being a message based on a character name in the Kelabit Highlands community custom terms of address. This study was conducted in Bintulu, Sarawak. Seven ethnic Kelabit from Bario Highland and aged between 50 and 70 years of informant. The main data sources obtained through interview, observation, photography and analysis of documents. The tide of change globalization which traction among new generation causes less kelabit communities to their ancestral treasure in particular related character names and subsequently made a message in life their daily. Due to the current scenario and problems, the study was done to identify the formation of moral values as being a message based on a character name in the Kelabit Highlands community custom terms of address. Character name referred to in this study specific to the selection a combination of vocabulary name **Aran Raja, Raja, Aran Paran Pelaba** and **Maran Bala** in the Kelabit Highlands community custom terms of address. A combination of vocabulary name concerned is a combination of vocabulary name in the category Element Name first class in name change or *Irau Mekaa Ngadan*'. Study on the character of the name of this vocabulary to nurture theory presented by Lickona (1992) and the related description of the formation of moral values based on the principles of moral values as outlined by the Ministry of information communication and Culture (2013). The study found that every individual to be granted the title of the relevant combination is able to form a noble personality character and became a symbol of community identity Kelabit ethnic character. In addition, the title also to create individual identity in your welfare values for himself and for the ethnic Kelabit. Pure Pembentukannilai based on character names are as follows, namely, highlighting responsible character, showing character dear exhibit sincerity/integrity (*honesty*) and symbolizes justice and leadership qualities.

Keywords:

Formation Of Moral Values, Custom Terms Of Address, Characters, *Irau Mekaa Ngadan*', Kelabit Ethnic

Pengenalan

Kertas kerja ini membincangkan tentang karakter nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit dengan memfokuskan terhadap pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej. Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej berdasarkan karakter nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Karakter nama yang dirujuk dalam kajian ini khusus kepada pemilihan kombinasi kosa kata nama *Aran Raja*, *Paran Raja*, *Aran Pelaba* dan *Maran Bala* dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit.

Nilai diertikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk melihat, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara, darjah, mutu, kualiti dan taraf perilaku seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai. (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2013: 2) manakala nilai murni pula ditaktifkan sebagai nilai-nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2013: 5)

Karakter pula merupakan aspek penting untuk peningkatan kualiti sumber daya masyarakat kerana kualiti karakter bangsa menentukan kemajuan suatu bangsa. Pertalian kualiti karakter nama gelaran dan kosa kata *Paran* dijadikan sebagai kajian untuk menjelaskan variasi dan fungsi gelaran anugerah berkenaan dalam menentukan kemajuan bangsa etnik kelabit.

Bentuk kata panggilan adat masyarakat Kelabit berbeza daripada bentuk kata panggilan kekeluargaan, bentuk kata panggilan umum dan bentuk kata ganti nama. Pemilihan nama untuk merujuk individu tertentu dalam kata panggilan adat perlu melalui proses upacara penukaran nama / *Irau Mekaa' Ngadan*. Dalam sambutan upacara penukaran nama kepada pasangan yang terlibat kata panggilan baharu akan diberikan kepada individu tersebut. Gelaran atau kata panggilan yang baharu akan diberikan kepada mereka dalam upacara yang gilang-gemilang.

Upacara penukaran nama dalam masyarakat Kelabit diadakan apabila pasangan suami isteri memperoleh anak pertama. Upacara yang serupa juga akan dilakukan sekali lagi bagi individu yang sama sekiranya pasangan suami isteri ini memiliki cucu pada masa akan datang. Kesimpulannya, upacara ini dapat dilakukan hanya apabila seseorang individu mempunyai anak dan menjadi ibu bapa atau mempunyai cucu serta bergelar datuk atau nenek.

Sambutan upacara penukaran nama tersebut pada masa dahulu diadakan sebaik sahaja selepas musim menuai padi kerana pada ketika itu hampir semua penduduk di kawasan Tanah Tinggi Bario bekerja sebagai pesawah padi. Semasa upacara ini diadakan mereka akan memanggil seluruh kampung yang berdekatan dengan mengadakan perayaan serta jamuan.

Secara umumnya, beberapa kategori nama yang dipilih berdasarkan unsur yang mempunyai signifikan bagi masyarakat Kelabit. Masyarakat Kelabit gemar memanggil anak-anak mereka terutamanya anak lelaki dengan nama yang mempunyai makna yang elok pada pandangan mereka seperti yang mempunyai unsur agama, unsur alam semula jadi, unsur flora dan fauna. Pemilihan nama ini berdasarkan kategori unsur yang lumrah dalam masyarakat Kelabit bersempena dengan nama haiwan, burung, pokok, gunung, sungai yang berdekatan kawasan mereka serta nama-nama baharu yang dipetik daripada buku atau yang terdapat dalam kitab Injil. Pemilihan nama daripada unsur sedemikian bukanlah sesuatu yang aneh dan asing.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati pemilihan nama dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit berdasarkan sumber tertentu yang antaranya dapat diklasifikasikan kepada 5 kategori, iaitu unsur agama, unsur alam, unsur fauna, nama kelas pertama (atasan) dan lain-lain unsur.

Kategori Unsur Nama Kelas Pertama merupakan pilihan yang paling banyak variasi nama untuk kata panggilan masyarakat Kelabit. Pemilihan nama-nama kelas pertama tersebut adalah bersempena dengan nama pahlawan atau tokoh-tokoh terkenal masyarakat Kelabit pada masa dahulu. Pada masa dahulu masyarakat Kelabit terkenal dengan pahlawan yang gagah perkasa. Pahlawan-pahlawan Kelabit banyak menghasilkan mercu tanda dan batu ukiran yang masih kukuh sehingga sekarang. (STB/7.8.2016/Temu bual)

Pemberian nama baharu dalam kata panggilan adat adalah penghargaan kepada pasangan suami isteri disebabkan dikurniakan cahaya mata atau pasangan datuk dan nenek yang telah dikurniakan cucu. Budaya unik masyarakat Kelabit dalam penggunaan kata panggilan diterjemahkan melalui penyataan masyarakat Kelabit dalam mempraktikkan amalan memanggil atau menyapa individu lain dengan kata panggilan yang betul dan sesuai.

Peredaran arus globalisasi yang melanda seluruh dunia turut menyebabkan perubahan terhadap struktur sosial dalam masyarakat etnik Kelabit. Pendidikan tinggi yang telah diterima masyarakat Kelabit telah mengubah pekerjaan dan pemikiran mereka. Fenomena kurang menggunakan kata panggilan Kelabit yang melanda generasi muda etnik Kelabit yang majoriti tinggal di kawasan bandar menyebabkan penggunaan kata panggilan dalam bahasa Kelabit turut terhakis. Oleh yang demikian, kajian tentang kata panggilan Adat dalam bahasa Kelabit yang dijalankan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa akan datang seandainya amalan kata panggilan ini tidak lagi menjadi keutamaan generasi muda Kelabit.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian kertas kerja ini menggunakan kajian kes kualitatif untuk memperoleh data. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah semakan dokumentasi. Kaedah temu bual dilakukan terhadap lima informan yang berumur antara 50 hingga 70 tahun dari Tanah Tinggi Bario, Miri dan Bintulu, Sarawak untuk memperoleh data berkaitan pemilihan nama yang digunakan dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit. Data yang diperoleh hasil maklumat dan kerjasama informan masyarakat Kelabit amat berguna untuk melengkapkan maklumat kajian.

Analisis data untuk kajian kes kualitatif ini lakukan lebih bersifat deskriptif. Maklumat daripada hasil pemerhatian, temu bual dan semakan dokumen data dianalisis. Kaedah pemerhatian ini dilakukan dengan melihat dan mendengar fenomena yang berlaku. Menerusi kaedah pemerhatian, peninjauan dibuat secara terperinci apa yang berlaku berkaitan budaya, adat, pantang larang dan kata panggilan bahasa Kelabit. Dalam waktu yang sama juga perjumpaan dengan beberapa orang penduduk untuk berinteraksi serta memerhati fenomena yang berlaku turut juga dilakukan. Hasil daripada pemerhatian ini dibuat catatan untuk dijadikan sebagai fakta. Data pemerhatian ini diproses secara manual. Temu bual turut dilakukan terhadap lima orang informan. Dengan cara ini, data dapat dikumpulkan dengan lebih cepat. Data yang diperoleh daripada temu bual dapat menyokong atau menambah maklumat yang sukar dikutip melalui pemerhatian. Temu bual ini dilakukan dalam dua cara, iaitu secara umum dan secara berfokus. Data daripada temu bual bersama lima orang informan

ini kemudiannya dibuat deskripsi dan dianalisis secara manual. Penjelasan cara: Analisis data kualitatif.

Sorotan Karya

Penyelidikan tentang etnik minoriti Kelabit pula tidak banyak dilakukan. Namun demikian, terdapat juga beberapa orang pengkaji yang telah melakukan kajian tersebut sejak tahun 1954. Kajian tentang masyarakat Kelabit telah dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan dan pengkaji luar. Kajian-kajian tersebut antaranya yang dikaji oleh Harrison (1954) yang berkaitan dengan bidang budaya masyarakat Kelabit, Blust (1974) dalam bidang kebahasaan Kelabit, Robert Lian (1977), Robert Lian & Lucy Bulan (1989), Lucy Bulan (2006) dalam bidang etnografi dan sejarah masyarakat Kelabit, Asmah Haji Omar (1983) dalam bidang linguistik, Amster dalam bidang antropologi (1998), glosari Kelabit/English-English/Kelabit (1995), Komuniti Kelabit (1998), Amalan Tradisi Kelabit (1999), Southwell (1999) dalam Komuniti masyarakat Kelabit dan Mohammad Syawal (2013) mengkaji tentang Kata Panggilan Masyarakat Kelabit.

Penyelidikan berkaitan etnik masyarakat Kelabit lebih tertumpu kepada aspek antropologi, etnografi, bahasa dan budaya Kelabit. Antaranya penyelidikan yang dilakukan oleh Harrison (1954), yang mengkaji berkaitan dengan bidang budaya masyarakat Kelabit. Dalam kajian tersebut, Harrison membincangkan tentang pengaruh luar yang menyerap masuk dalam budaya kehidupan masyarakat Kelabit. Menurut beliau, kedudukan lokasi etnik Kelabit yang jauh terpencil tidak menghalang pengaruh luar menyerap masuk dalam budaya Kelabit. Melalui kajian yang dilakukan oleh Harrison, beliau menjelaskan bahawa antara pengaruh luar yang menyerap dalam budaya hidup etnik Kelabit adalah berkaitan pegangan hidup. Menurut Harrison, masyarakat etnik Kelabit menganut agama Kristian, Sidang Injil Borneo (SIB) sejak tahun 1943. Sebelum kedatangan Kristian, masyarakat etnik kelabit berpegang kepada kepercayaan Animisme.

Selain itu, kajian lain yang berkaitan dengan masyarakat etnik Kelabit yang dikaji adalah berkaitan bidang bahasa Kelabit. Blust (1974), menjalankan kajian berkaitan bidang bahasa Kelabit. Dalam kajianya, Blust mengkaji bidang fonemik dalam bahasa Kelabit. Menurut Blust, fonemik terbahagi kepada tiga siri hentian fonem. (i) hentian tak bersuara: / p /, / t /, / k /; (ii) hentian bersuara: / b /, / d /, / g /; dan (iii) hentian bersuara berhembusan: / b^h /, / d^h /, / g^h /. Dalam penyelidikan ini juga, Blust memperlihatkan bahawa sistem fonologi bahasa Kelabit mempunyai 23 fonem: iaitu enam vokal dan tujuh belas konsonan. Vokalnya terdiri daripada: i , e, ē, a, u, o manakala konsonannya pula ialah: p, b, t, d, k, g, q, m, n, ng, s, h, j, r, l, w, y.

Asmah Haji Omar (1983), mengkaji tentang etnografi masyarakat Kelabit. Asmah Haji Omar menyatakan bahawa bahasa Kelabit merupakan salah satu daripada puluhan bahasa sukuan yang terdapat di Sarawak. Bahasa Kelabit juga dituturkan di kawasan tanah tinggi Kelabit di Sarawak. Kawasan yang dimaksudkan merujuk kepada kawasan Bario. Masyarakat Kelabit menggunakan bahasa Kelabit semasa berkomunikasi sesama komuniti mereka. Dalam kajian tersebut, Asmah Haji Omar menjelaskan bahawa etnik Kelabit mempunyai kulit yang cerah berbanding dengan etnik lain di Sarawak. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh keadaan cuaca yang sejuk kerana kedudukannya mempunyai altitud kira-kira 3,000 kaki dari aras laut. Di samping rajin mengusahakan bidang pertanian, etnik Kelabit juga mempunyai reputasi yang hebat serta kuat dan etnik yang paling membangun di Sarawak.

Robert Lian R. Saging dan Lucy Bulan (1977, 1989) merupakan anak tempatan yang pernah mengkaji bidang etnografi dan sejarah masyarakat etnik Kelabit. Robert Lian dan Lucy menjelaskan bahawa masyarakat Kelabit mempunyai hubungan kebudayaan yang sangat dekat dengan masyarakat Lun Bawang, Murut di utara Lawas dan Limbang serta masyarakat Kenyah dan Kayan di selatan Ulu Baram, Ulu Apoh dan Ulu Tutoh di daerah Baram. Robert Lian dan Lucy Bulan juga turut menyatakan tentang tahap pendidikan etnik Kelabit antara yang tertinggi berbanding etnik lain di Sarawak. Masyarakat Kelabit merupakan antara etnik yang mempunyai kadar celik literasi tertinggi berbanding etnik lain di Sarawak dengan mengambil kira sekolah pertama dibuka di tanah tinggi Kelabit pada tahun 1946. Dianggarkan masyarakat Kelabit yang berumur di bawah 45 tahun mempunyai standard yang baik dalam kadar celik Literasi. Majoriti generasi baharu masyarakat Kelabit menetap di bandar kerana telah memperoleh pekerjaan dan kebanyakannya generasi baharu Kelabit juga masih lagi menimba ilmu di peringkat menengah dan kolej. Berdasarkan kajian tersebut, Robert Lian dan Lucy Bulan membincangkan berkaitan budaya saling menghormati masyarakat etnik Kelabit. Mereka menyatakan bahawa menghormati seseorang yang mempunyai status sangat dititikberatkan oleh masyarakat Kelabit. Hal yang sedemikian berlaku kerana keadaan ini telah diwarisi daripada generasi terdahulu yang melambangkan nilai kesopanan dan budi pekerti masyarakat Kelabit.

Kajian tentang karakter pula telah dilakukan oleh beberapa penyelidik, antaranya ialah Lickona, (1992), Ryan & Bohlin (1999), Alwisol (2006) dan Tadkiratun Musfiroh (2008). Secara umumnya, kajian yang dilakukan pengkaji ini menjurus berkaitan pendidikan kewarganegaraan untuk membangun karakter bangsa.

Lickona (1992) dalam penyelidikannya pula menyatakan bahawa pendidikan karakter adalah untuk membentuk keperibadian seseorang melalui pendidikan budi pekerti, yang hasilnya terlihat dalam tindakan nyata seseorang iaitu, tingkah laku yang baik, jujur bertanggungjawab, menghormati hak orang lain, kerja keras dan sebagainya. Lickona juga menjelaskan bahawa pendidikan karakter sangat penting kerana ia cara terbaik untuk menjamin pelajar memiliki keperibadian yang baik dalam hidup mereka, meningkatkan prestasi akademik, terdapat sebahagian pelajar yang tidak dapat membentuk karakter yang kuat bagi dirinya di tempat lain, mempersiapkan pelajar untuk menghormati orang lain dan menyesuaikan diri dalam masyarakat luar, banyak masalah yang berkaitan dengan keruntuhan moral berlaku seperti ketidaksopanan, ketidakjujuran, kekerasan, pelanggaran kegiatan tidak bermoral dan etos belajar yang rendah, merupakan persiapan terbaik untuk memiliki perilaku yang baik di tempat kerja, dan mengajar nilai-nilai budaya yang merupakan sebahagian dari kerja peradaban.

Menurut Ryan dan Bohlin (1999), orang yang berkarakter baik memiliki pemahaman tentang kebaikan, menyukai kebaikan, dan mengerjakan kebaikan tersebut. Orang yang perlakunya sesuai dengan kaedah moral disebut dengan berkarakter mulia.

Alwisol (2006) memperkatakan bahawa karakter merupakan aspek penting untuk peningkatan kualiti sumber daya masyarakat. Dalam penulisannya, beliau telah mengaitkan bahawa kualiti karakter bangsa akan menentukan kemajuan suatu bangsa. Ini bermaksud tingginya darjah sesuatu bangsa tersebut amat bergantung dengan kualiti karakter seseorang. Selain itu, melalui penyelidikan ini juga beliau telah memberi penjelasan berkaitan persoalan karakter. Persoalan karakter yang cuba dijelaskan oleh Alwisol adalah karakter merupakan gambaran tingkah laku yang menonjolkan nilai benar-salah. Beliau juga menyatakan karakter adalah gambaran tingkah laku yang baik buruk secara implisit maupun eksplisit.

Tadkiratun Musfiroh (2008), pula membincangkan aspek karakter dalam kajian tentang pengembangan karakter anak melalui pendidikan karakter. Melalui penyelidikannya, beliau memperkatakan bahawa karakter merujuk pada tiga perkara, iaitu merujuk pada serangkaian sikap perilaku (*behavior*), motivasi (*motivations*), dan ketrampilan (*skills*), meliputi keinginan untuk melakukan hal yang terbaik.

Pembentukan Nilai Murni Sebagai Sarana Mesej Berdasarkan Karakter Nama Dalam Kata Panggilan Adat Masyarakat Kelabit

Kajian karakter nama kosa kata ini bertunjangkan teori yang dikemukakan oleh Lickona (1992) manakala huraian berkaitan pembentukan nilai murni berteraskan Prinsip Nilai-Nilai Murni seperti yang digariskan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013). Huraian berikut adalah dapatan daripada temu bual bersama informan, melalui pemerhatian dan semakan dokumentasi.

Informan K054 menyatakan bahawa pilihan nama ini membawa maksud yang baik. Kosa kata nama ini merupakan kosa kata nama dalam kategori Unsur Nama Kelas Pertama dalam upacara penukarana nama atau *Irau Mekaa' Ngadan*. Kategori lain dalam pemilihan nama dapat diklasifikasikan kepada lima (5) kategori, iaitu unsur agama, unsur alam, unsur fauna, nama kelas pertama dan lain-lain unsur.

Pemilihan kosa kata nama berkenaan dalam kertas kerja ini dianalisis dari sudut pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej. Pilihan kosa nama berkenaan terdiri daripada kosa kata yang mempunyai kombinasi dua perkataan yang terdiri daripada *Raja*, *Paran*, *Pelaba*, dan *Bala* sama ada di pangkal atau di belakang nama yang menjadi pilihan masyarakat Kelabit.

a. [Aran + Raja] = *Aran Raja* [*aran radža*]

b. [Paran + Raja] = *Paran Raja* [*paran radža*]

Kosa kata *Aran* adalah berasal daripada kata akar kosa kata *Paran*. (K054/23.04.17/Temu bual). Kosa kata *Paran* pula bermaksud Aristokrat atau orang yang dilahirkan dalam golongan kelas atasan berdasarkan sistem kelas tradisi masyarakat Kelabit (Amster, 1995: 65). Kosa kata *Raja* bermaksud Raja atau Permaisuri yang maksudnya bersamaan dengan maksud dalam bahasa Melayu (Amster, 1995: 73).

Kombinasi dua kosa kata *Aran* dan *Raja* dijadikan sebagai kata panggilan baharu bersempena sambutan *Irau Mekaa' Ngadan* kepada individu masyarakat Kelabit yang mempunyai keturunan keluarga ternama berdasarkan sistem kelas tradisi masyarakat Kelabit pada masa dahulu. Pemilihan nama di atas tidak dibenarkan diberi kepada masyarakat Kelabit yang bukan berasal daripada keturunan bangsawan.

Hasil temu bual terhadap informan K054 menyatakan bahawa pemberian nama tersebut kepada individu masyarakat Kelabit adalah menggambarkan bahawa individu tersebut mempunyai personaliti yang terpuji dan dipandang tinggi masyarakat Kelabit. Individu yang telah diberikan gelaran nama yang sesuai perlu menjaga keperibadian dan kedudukannya sejajar dengan status elit nama tersebut.

Pembentukan Nilai Murni daripada kombinasi kosa kata nama [Aran + Raja] = Aran Raja [aran radža]] dan [Paran + Raja] = Paran Raja [paran radža]] : Bertanggung jawab, Dihormati, Ketulusan Hati, Kejujuran, Keadilan dan Kepemimpinan

Pembentukan nilai murni berdasarkan karakter nama dipaparkan menerusi mesej tersirat yang disampaikan daripada pemberian nama berkenaan. Seseorang atau individu berkenaan akan dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat Kelabit. Karakter keperibadian merupakan aspek penting untuk peningkatan kualiti masyarakat kerana kualiti karakter bangsa menentukan kemajuan suatu bangsa. Karakter keperibadian adalah gambaran tingkah laku yang menonjolkan nilai individu dalam pandangan masyarakat umum. Berdasarkan tafsiran masyarakat etnik Kelabit tentang makna nama kosa kata *Aran Raja* didapati bahawa gelaran berkenaan mempunyai fungsi tertentu dalam pembentukan karakter keperibadian individu berkenaan. Secara umumnya, gelaran *Aran Raja* dijadikan sebagai ikon dalam peranan pengembangan contoh teladan kepada karakter keperibadian generasi muda etnik Kelabit. Fungsi gelaran *Aran* dapat menonjolkan karakter bertanggung jawab, menunjukkan karakter yang dihormati dan memamerkan ketulusan hati atau kejujuran. Gelaran *Raja* berfungsi sebagai lambang keadilan dan kepemimpinan individu yang dianugerahkan gelaran berkenaan dan seterusnya sebagai motivasi kepada generasi baharu etnik Kelabit.

c. **[Aran + Pelaba] = Aran Pelaba [aran pəlaba]**

d. **[Maran + Bala] = Maran Bala [maran bala]**

Kosa kata *Aran* berasal daripada kata akar kosa kata *Paran*. (K054/23.04.17/Temu bual). Kosa kata *Paran* pula bermaksud Aristokrat atau orang yang dilahirkan dalam golongan kelas atasan berdasarkan sistem kelas tradisi masyarakat Kelabit (Amster, 1995: 65). Kosa kata *Pelaba* bermaksud *Amat*.

Kombinasi dua kosa kata *Aran Pelaba* merupakan nama yang dominan menjadi pilihan masyarakat Kelabit semasa sambutan *Irau Mekaa' Ngadan*. Pemilihan nama kosa kata *Aran Pelaba* disebabkan tafsiran makna yang baik menurut masyarakat Kelabit. Di samping itu, pemberian nama ini amat bersesuaian dengan masyarakat Kelabit yang mempunyai latar belakang keluarga yang berasal daripada golongan kelas atasan menurut kelas tradisi masyarakat Kelabit.

Penggunaan kata panggilan *Aran Pelaba* kepada individu tertentu masyarakat kelabit melambangkan bahawa pada masa dahulu sistem sosial masyarakat Kelabit mementingkan status (kasta). Sebahagian daripada kelompok masyarakat Kelabit yang terdiri daripada kelompok elit atau kasta kelas atasan masih meneruskan pemilihan nama yang bersesuaian dengan status keluarga dan sejajar dengan personaliti serta pencapaian kerjaya individu tersebut.

Kosa kata *Maran* berasal daripada kata akar *Aran* serta setaraf dengan kosa kata *Paran* Kosa kata manakala kosa kata *Bala* pula bermaksud khabar, berita, terkenal, (STB/08.08.2016/Temu bual).

Pembentukan Nilai Murni daripada kombinasi kosa kata nama [Aran + Pelaba] = Aran Pelaba [aran pelaba] dan [Maran + Bala] = Maran Bala [maran bala] : Karakter Bertanggung jawab, Dihormati, Ketulusan Hati, Kesungguhan Melakukan Kerja

Gelaran pemilihan kosa kata *Aran* dapat menonjolkan karakter bertanggung jawab, menunjukkan karakter yang dihormati dan mempamerkan ketulusan hati atau kejujuran individu yang dianugerahkan gelaran berkenaan. Gelaran *Pelaba* pula berperanan sebagai melakukan kerja atau membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh.

Kombinasi dua kosa kata berkenaan berfungsi dalam pembentukan karakter keperibadian generasi muda Kelabit agar menjadikan individu berkenaan sebagai contoh teladan. Ini kerana kombinasi kosa kata berkenaan menggambarkan karakter nilai keperibadian yang bersungguh-sungguh mempamerkan ketulusan hati atau kejujuran.

Kombinasi kosa kata *Maran Bala* pula ditafsirkan sebagai individu yang mempunyai latar belakang golongan atasan yang terkenal dengan karakter keperibadian yang bertanggungjawab dan dihormati. Karakter keperibadian moral yang baik ditonjolkan oleh individu yang dianugerahkan gelaran ini berperanan sebagai teladan yang sewajarnya diwarisi generasi muda Kelabit.

Kesimpulan

Peraturan perurutan sistem pemberian gelaran nama baharu kepada individu Kelabit yang mengadakan Upacara Penukaran Nama/Upacara *Irau Mekaa' Ngadan*. Proses dalam sistem peraturan pemberian nama tersebut dilakukan mengikut peraturan tertentu serta beberapa kriteria tertentu dengan mengambil kira yang mana dahulu dan yang mana kemudian. Peraturan yang ditetapkan semasa proses pemberian nama untuk kata panggilan adat masyarakat Kelabit ini jelas sekali menekankan tentang peraturan perurutan yang terdapat dalam peraturan Ervin-Tripp. Peraturan Perurutan Ervin-Tripp menekankan aturan yang ditetapkan mengikut urutan. Dalam peraturan perurutan Ervin-Tripp, terdapat susunan kata-kata sapaan yang diatur yang dimulai dengan rujukan kehormat kepada gelaran-gelaran yang disandang dan nama peribadi yang disapa.

Kajian ini juga menggunakan kerangka teori yang dikemukakan oleh Lickona, (1992) yang menyatakan bahawa memiliki pengetahuan nilai moral itu tidak cukup untuk menjadi manusia berkarakter, nilai moral harus disertai dengan adanya karakter yang bermoral. Menurut Lickona, karakter ini terdiri daripada tiga komponen karakter (*components of good character*), iaitu konsep moral (*moral knowing*), sikap moral (*moral feeling*), dan perilaku moral (*moral behavior*). Berdasarkan ketiga-tiga komponen ini, dapat dirumuskan bahawa karakter yang baik sewajarnya memerlukan pengetahuan tentang kebaikan, keinginan untuk berbuat baik dan melakukan perbuatan baik.

Penganugerahan kosa kata nama dan kombinasi nama lain daripada lima (5) kategori nama, iaitu unsur agama, unsur alam, unsur fauna, nama kelas pertama dan lain-lain unsur kepada individu tertentu melambangkan karakter mulia yang ada pada diri individu berkenaan menjadi inspirasi generasi muda dalam pembentukan karakter keperibadian mulia. Karakter mulia yang nilai meliputi aspek pengetahuan, sikap, motivasi, perilaku dan ketrampilan individu penerima mencerminkan karakter bangsa yang merujuk kualiti kemanusiaan yang merangkumi aspek akhlak. Ia berperanan dalam membentuk, memupuk nilai-nilai etika, individu berkenaan dan bangsa Kelabit secara keseluruhan. Keseluruhan kajian yang dilakukan menemukan kerangka

teori yang dipilih bersesuaian dan bertepatan dengan tajuk yang dikaji. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam kata panggilan adat amat bersesuai dijadikan teladan untuk khalayak umum.

Pemilihan kosa kata nama dalam Kata Panggilan Adat diberikan kepada individu tertentu yang telah mengadakan Upacara *Irau Mekaa' Ngadan*. Nama-nama panggilan baharu yang diberi kepada individu tersebut dipilih oleh Jawatankuasa yang telah dicalonkan dalam kalangan keluarga individu tersebut berdasarkan kesesuaian dan latar belakang individu tersebut.

Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa penerapan nilai murni dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit menggariskan empat perkara yang dominan menonjolkan karakter bertanggung jawab, menunjukkan karakter yang dihormati, mempamerkan ketulusan hati / kejujuran (*honesty*) dan melambangkan keadilan dan kepemimpinan.

Penganugerahan kombinasi 4 kosa kata *Aran Raja, Paran Raja, Aran Pelaba dan Maran Bala* kepada individu tertentu melambangkan karakter mulia yang ada pada diri individu berkenaan menjadi inspirasi generasi muda dalam pembentukan karakter keperibadian mulia. Karakter mulia yang nilai meliputi aspek pengetahuan, sikap, motivasi, perilaku dan ketrampilan individu penerima.

Penganugerahan nama berkenaan mencerminkan karakter bangsa yang merujuk kualiti kemanusiaan yang merangkumi aspek akhlak. Ia berfungsi untuk membentuk, memupuk nilai-nilai etika, individu berkenaan dan bangsa Kelabit secara keseluruhan.

Kesimpulannya, penerapan nilai murni dalam kata panggilan adat masyarakat Kelabit disampaikan secara tersirat melalui pemilihan nama kepada individu yang bersesuaian. Selain itu, penonjolan keperibadian yang baik dalam masyarakat Kelabit oleh individu yang diberi gelaran dalam kata panggilan adat juga merupakan penerapan nilai murni secara tersirat yang patut dicontohi oleh generasi baharu masyarakat Kelabit.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah No geran: 13219, setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Malaysia.

Rujukan

- Alwisol, (2006). Psikologi kepribadian. Malang : Universitas Muhammadiyah Malang (UMM).
- Amster, M. H. (1995). Kelabit/English- English/Kelabit glossary. Kuching: Rurum Kelabit Sarawak.
- Amster, M. H. (1998). Community, ethnicity, and modes of association among the Kelabit of Sarawak, east Malaysia. (Unpublished doctoral dissertation) Brandies University, Waltham, MA.
- Amster, M. H. (1999). "Tradition", ethnicity, and change: Kelabit practices of name changing. Sarawak Museum Journal, 75(12), 183-200.
- Amster, M. H. (2005). "The diary of a district officer: Alastair Morrison's 1953 trip to the Kelabit Highlands". Borneo Research Bulletin, 36, 91-107.
- Asmah Hj. Omar. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Blust, R. (1974). *The Proto-North-Sarawak vowel deletion hypothesis*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Hawaii, Manoa.
- Blust, R. (1993). Kelabit – English vocabulary. *The Sarawak Museum Journal*, 65(12), 141-226.
- Ervin-Tripp, S. M. (1969). Sociolinguistic Rules of Address. Dalam Pride, JB dan Janet Holmes (Eds.) (1976). *Sociolinguistics: Selected Reading*. Middlesex, England: penguin Education, Penguin Books Ltd.
- Ervin-Tripp, S. M., (1976). Sociolinguistic. Dalam Joshua Fishman (Eds.), *Advance in the Sociology of Language I, Basics Concepts, Theories and problems: Alternative Approaches* (235 – 253). The Hague-Paris, Mouton.
- Ervin-Tripp, S. M. (1986). Sociolinguistics Rules: Alternation and Co-Occurrence. Dalam J. Gumperz & D. Hymes (Eds.). *Direction in Sociolinguistics: The ethnography of Communication* (175 – 193) New York-Sydney: Holt Rinehart and Winston Inc.
- Harrison, T. (1954). Outside influences on the culture of the Kelabits of north central Borneo. *Sarawak Museum Journal*, 6(4), (new series).
- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. (2013). *Nilai-nilai murni dan budi bahasa*. Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara.
- Lickona, T. (1991) *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York-Toronto-London- Sydney- Auckland: Batam Books.
- Lorna Ulun. (2005). Kelabit hospitality. *A uniquely Kelabit charity showcase, the Kelabit association of Kuala Lumpur and Selangor*. 1. Selangor: Home Matters Network.
- Lucy Bulan. (2006). The Kelabit irau mekaa' ngadan. *Highlanders convention 2006*,11.
- Mohammad Syawal Narawi. (2013). *Kata Panggilan Masyarakat Kelabit*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan) Universiti Utara Malaysia, Sintok Malaysia.
- Mohammad Syawal Narawi dan Nuraini Yusoff .(2014). Masyarakat Kelabit: Pengkategorian Kata Panggilan Berdasarkan Perspektif Sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik* Vol. 18(2)-(079-89)
- Mohammad Syawal Narawi. (2014). Keragaman Penggunaan Kata Panggilan *Tepu'* Dalam Bingkai Budaya Masyarakat Kelabit. *Prosiding Seminar Tahunan Linguistik (SETALI), Universitas Pendidikan Indonesia*.
- Mohammad Syawal N., Nor Hasimah I. & Mardzelah M., (2020). The Identity of ‘Paran’ Vocabulary Character in The Kelabit Ethnic Custom Terms of Address. *International Journal of Advanced Science and Technology* . 29(9s), 6094 – 6101
- Ni Luh Suarmini1, Luh Putu Sendratari, M. Hum, Tuty Maryati. (2019). Pembentukan Nilai- Nilai Karakter pada Anak-Anak Panti Asuhan Narayan Seva, Kerobokan, Buleleng, Bali dalam Membangun Integrasi Sosial Di kalangan Penghuni Panti Asuhan. *e-Journal Pendidikan Sosiologi Universitas Pendidikan Ganesha Jurusan Sejarah, Sosiologi dan Perpustakaan*. 1(1). 112-125.
- Robert Lian R. Saging. (1977). *An ethno-history of the Kelabit tribe of Sarawak. A brief look at the Kelabit tribe before WWII and after*. (Unpublished project paper) Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Robert Lian R. Saging, & Lucy Bulan. (1989). Kelabit ethnography: A brief report, *The Sarawak Museum Journal*, 61(12), 89-118.
- Rurum Kelabit Sarawak dengan kerjasama persatuan Lun Bawang Sarawak. (2006). In search of excellence-The way forward, *Highlanders convention 2006*.
- Ryan & Bohlin.(1999), *Building character in schools: Practical ways to bring moral instruction to life*. San Francisco: Jossey-Bass
- Sa’adiah Ma’alip dan Teo Kok Seong. (2019). Komunikasi antara Keluarga: Bentuk Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu*. Bil. 18 (2)100-117.

Seow Hooi Lee dan Lin Chia Ying. (2019). Nilai-nilai murni dalam watak utama novel Xu You Bin *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*. Vol. 2 (1)14-25.

Southwell, C. H. (1999). *Uncharted waters*. Calgary, Canada: Astana Publishing.

Tadkiratun Musfiroh. (2008). *Character building*. Yogyakarta: Tiara Wacana.